



ARCHIVE UNIT
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

UUM- / AA64 / BH / 04.01.2023 / P: 10 (1-3)

Pugar konsep madani tangani inflasi, kenaikan kos sara hidup

BH, 04/01/2023, m/s 10.(1-3) Muka sepuluh

- Konsep masyarakat madani dipelopori Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah berteraskan kepada enam tonggak utama iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Berdaya Cipta, Hormat, Kepercayaan dan Ihsan

- Ekonomi manusia berlandaskan kepada konsep madani dilihat dapat memberi jalan baharu untuk keluar daripada kemelut inflasi sertak enaikan kos sara hidup



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Ekonomi, Kewangan
dan Bank, Universiti
Utara Malaysia (UUM)

Kenaikan kadar inflasi berterusan sejak beberapa bulan lalu kini semakin menjejaskan ramai pengguna, terutama mereka yang kurang kemampuan kewangan.

Uniknya, istilah inflasi itu sangat berkaitan dengan nilai mata wang. Dalam sistem ekonomi kapitalis, ia mengiktiraf inflasi tidak mungkin dapat disekat.

Inflasi terus meningkat seiring dengan peningkatan ekonomi. Satu-satunya senjata ampuh untuk mengengkang inflasi mengikut ekonomi kapitalis ialah menaikkan kadar faedah.

Peningkatan kadar faedah atau bunga akan mengurangkan permintaan wang di pasaran. Pengguna

akan mengurangkan permintaan wang kerana nilai wang menjadi semakin mahal. Nilai wang yang naik ini merujuk kepada peningkatan kadar bunga.

Pengusaha juga terpaksa memperlakan perniagaan mereka kerana kesukaran mendapatkan modal baharu bagi mengembangkan perniagaan disebabkan kos meminjam semakin tinggi.

Kesan akhir akibat peningkatan kadar faedah ini adalah pengurangan permintaan serta pada masa sama berlaku pengurangan pengeluaran. Ini dirujuk sebagai kuasa permintaan dan penawaran bagi mengengkang inflasi berdasarkan teori ekonomi kapitalis.

Namun begitu ramai dalam kalangan ahli ekonomi menganggap dasar mengawal kadar faedah ini penting untuk mengawal inflasi. Tetapi mereka kurang arif mengenai peranan wang dalam ekonomi.

Bagaimana wang itu dicipta? Siapa bertanggungjawab mencetak wang? Adakah wang dicetak dan dicipta itu bersandarkan emas?

Semua persoalan ini sangat berkait dengan teori ekonomi kapitalis. Sebab itu ahli ekonomi mengiktiraf inflasi sebagai fenomena monetori tidak boleh dipisahkan. Namun, di sinilah punca utama kenapa inflasi di seluruh dunia tidak dapat dikurangkan kerana sistem ekonomi kapitalis tidak berupaya untuk menyekat inflasi.

Selepas Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya membentuk satu sistem kewangan dunia yang baharu. Pada asalnya wang dicetak di AS bersandarkan kepada emas, namun selepas itu mereka membubarkan sandaran dolar AS kepada emas.

Keadaan ini menjadikan wang di AS boleh dicetak sebanyak mana dikehendaki tanpa bersandarkan kepada emas. Hanya dengan satu keyakinan dan jaminan diberikan AS iaitu dolarnya yang anda pegang boleh digunakan untuk mem-

Ekonomi kapitalis tak selesai masalah

Sejak itu, seluruh dunia mengamalkan sistem dicadangkan AS iaitu wang yang bank negara cetak tidak perlu bersandarkan kepada emas. Akibatnya nilai mata wang sentiasa turun naik mengikut rentak dan tarian dimainkan pemodal di AS. Di Malaysia sendiri kita melalui beberapa siri serangan ke atas mata wang ringgit.

Sungguh pun demikian, ekonomi kapitalis mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian bagi menangani inflasi, antaranya dengan memberi subsidi kepada pengguna dan peniaga untuk menampung kenaikan kos sara hidup ini.

Pemberian subsidi bermakna kerajaan perlu menanggung kos ini sama ada dengan menaikkan cukai atau membuat pinjaman. Keadaan seperti ini langsung tidak menjadikan ekonomi sesebuah negara itu mampan, malahan akan terdedah dengan konflik lebih parah apabila hutang tidak dapat diurus dengan baik.

“Peningkatan inflasi dan hutang kerajaan akan menjadikan kadar pertukaran mata wang menjadi lemah, akibatkan kesan rantaian kepada kos sara hidup”

Peningkatan inflasi dan hutang kerajaan akan menjadikan kadar pertukaran mata wang menjadi lemah, mengakibatkan kesan rantaian kepada kos sara hidup.

Kenaikan harga barang akan berlaku apabila import barangan dari luar negara menjadi lebih mahal kerana nilai mata wang negara merosot. Walaupun eksport meningkat disebabkan harga barangan kita lebih murah, ia hanya kerana kejatuhan kadar tukaran wang.

Hari ini, import barangan makanan adalah antara item paling tinggi dan ini dibuktikan dengan kadar inflasi untuk makanan meningkat dengan sangat tinggi. Selagi ahli ekonomi menggunakan pendekatan disarankan ekonomi kapitalis, maka selagi itu penyelesaian tuntas tidak mungkin dapat dihasilkan.

Justeru, apakah pilihan yang ada kepada negara

untuk mengatasi masalah kenaikan kos sara hidup ini. Teori ekonomi sedia ada tidak dinafikan sangat berguna terutama apabila kita ingin memahami tingkah laku manusia membuat keputusan.

Manusia secara umumnya suka kepada sesuatu yang banyak, harta dan kekayaan, kecantikan, hiburan serta segala yang dapat memuaskan nafsu.

Sebab itu dalam ekonomi Islam, tidak banyak teori dihasilkan kerana ajaran Islam menggariskan pendekatan kehendak dan nafsu manusia perlu dibendung. Teori ekonomi Islam lebih banyak bersifat abstrak dengan menekankan kepada sifat perlu diamalkan manusia iaitu mengekang hawa nafsu.

Ekonomi manusiawi berlandaskan kepada konsep madani dilihat dapat memberi jalan baharu untuk keluar daripada kemelut inflasi serta kenaikan kos sara hidup ini.

Konsep madani dipelopori Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berteraskan kepada enam tunggak utama iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Berdaya Cipta, Hormat, Kepercayaan dan Ihsan.

Tidak dapat dinafikan, ekonomi kapitalis melahirkan manusia mementingkan diri sendiri, rakus, tidak berperikemanusiaan, tiada rasa belas kasihan, perasaan kasih sayang, rasuah atau sebagainya.

Persoalannya, bagaimana konsep madani ini boleh digunakan untuk mengatasi masalah ekonomi dan sosial yang kita hadapi sekarang.

Jika dilihat kepada kemelut kenaikan inflasi berlaku sekarang, ia disebabkan sifat tamak manusia. Ekonomi kapitalis hanya menjadikan keuntungan sebagai punca utama kenapa wujudnya perniagaan dan tiada langsung sifat kemanusiaan.

Sesebuah ekonomi menjadi lebih mampan jika setiap ahli didalamnya mempunyai sifat saling menghormati, belas kasihan serta percaya antara satu sama lain.

Sebagai peniaga, mereka tidak wajar hanya mementingkan keuntungan diri sendiri apabila menceburi perniagaan tanpa menghiraukan kehidupan dan kesukaran orang lain.

Walaupun mereka mungkin mendapat keuntungan banyak, namun jika masyarakat sekitar hidup dalam kesusahan, pasti kehidupan mereka juga tidak akan selamat.

Masyarakat sentiasa memandang serong kekayaan yang mereka kumpul. Tiada perasaan hormat dalam kalangan masyarakat, maka akan lahir permusuhan yang akhirnya membawa kepada kemusnahan.

Keharmonian dalam sesebuah masyarakat adalah kunci utama kemampanan negara. Perpaduan akan membawa kepada kesejahteraan, rasa hormat dan belas kasihan. Inilah konsep perlu diperjuangkan demi kelangsungan rakyat dan negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH